

30/08/2000

Pencari kerja bidang profesional meningkat

Hasliza Hassan

SELEPAS berjaya menamatkan pengajian di institut pengajian tinggi (IPT), lepasan ijazah dan diploma berdepan dengan soal pengangguran dan memperolehi pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka.

Apabila gagal dalam temuduga pekerjaan, lebih-lebih lagi yang menjadi pilihan, timbul salah tanggapan bahawa pelajar terlalu memilih pekerjaan atau menuntut gaji tinggi kerana mereka lulusan universiti.

Walaupun tidak keterlaluan dikatakan ada kalangan lulusan IPT yang bersikap demikian, ada faktor lain yang menyebabkan timbulnya pengangguran di kalangan mereka.

Antaranya, kurang peluang pekerjaan yang ditawarkan dan masalah ketidakcocokan atau mismatch antara syarat yang dikenakan majikan dan kelayakan yang dimiliki penuntut yang menghadiri temuduga.

Malah, laporan mengenai aliran pasaran buruh pada suku pertama tahun ini yang dikeluarkan Jabatan Tenaga Rakyat (JTR), Kementerian Sumber Manusia, mengakui kekosongan jawatan dalam kumpulan profesional secara bulanan pada keseluruhannya tidak bertambah.

Sedangkan, bilangan pendaftar pencari kerja golongan profesional iaitu mereka yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya diploma semakin meningkat.

Dalam tempoh tiga tahun lalu bermula 1997, jumlah pencari kerja golongan profesional terus meningkat daripada 5,634 kepada 12,938 orang (1998) dan 15,131 orang pada 1999.

Jumlah pencari kerja profesional mengalami peningkatan dalam tempoh setiap tiga bulan pada 1997 iaitu daripada 1,096 orang (Januari hingga Mac) kepada 1,116 (April hingga Jun). Ia terus meningkat kepada 1,693 orang (Julai-September) dan 1,730 orang (Oktober hingga Disember).

Bagi 1998, bilangan mereka terus bertambah daripada 3,008 orang (Januari hingga Mac) kepada 3,369 orang (April hingga Jun) kepada 3,122 orang (Julai hingga September) sehingga 3,439 orang (Oktober hingga Disember).

Pendaftaran pencari kerja mencatatkan bilangan pertambahan luar biasa antara April hingga Jun dan tiga bulan berikutnya kerana keputusan peperiksaan peringkat Diploma dan Ijazah tempatan diumumkan dalam tempoh berkenaan.

Secara keseluruhan, aliran peningkatan peluang pekerjaan mengikut tahun memperlihatkan arah aliran positif dengan peningkatan sehingga 45.2 peratus pada 1999, berbanding 15.7 peratus tahun sebelumnya.

Namun demikian, aliran kekosongan untuk jawatan profesional masih tidak memberangsangkan kerana bilangan yang ditawarkan masih kecil. Apatah lagi, jika dibandingkan jumlah pencari kerja profesional yang terus meningkat.

Perangkaan 1999 menunjukkan kekosongan jawatan profesional sangat kecil berbanding bukan profesional iaitu pada nisbah 1:62.6 atau 1,702 (profesional) dan 106,616 (bukan profesional).

Nisbah ini masih tidak selaras dengan pencari kerja profesional yang mempunyai nisbah 1:7.0 atau 15,396 (profesional) dan 107,524 (bukan profesional).

Dalam tempoh suku pertama tahun ini, kekosongan jawatan ialah 454 (profesional) berbanding 25,879 (bukan profesional) atau pada nisbah 1:57.

Nisbah pencari kerja ialah 4,086 (profesional) dan 25,774 (bukan profesional) atau pada nisbah 1:6.3 yang menunjukkan ketidakseimbangan kekosongan dalam jawatan di antara kedua-dua kumpulan itu. Keadaan ini menggambarkan saingan bagi yang berkelulusan profesional dan bukan

profesional sengit.

Jumlah itu berdasarkan kepada bilangan pencari kerja berdaftar dengan JTR dan jumlah itu mungkin meningkat jika dicampur dengan graduan yang tidak merujuk kepada JTR.

Justeru, tiba masanya bagi pelajar untuk membuat persediaan awal dengan meninjau apakah jawatan yang memenuhi cita rasa pasaran kerja sekarang.

Sewajarnya, mereka memikirkan semula pandangan dan nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya memilih jurusan yang bersesuaian dan menepati permintaan pasaran kerja terkini.

Enam jawatan profesional yang menjadi pilihan pencari kerja sepanjang Jun tahun ini ialah pegawai tadbir, akauntan am, pengaturcara program komputer, pembantu kejuruteraan mekanik, pembantu kejuruteraan awam dan setiausaha.

Sementara kekosongan jawatan yang menawarkan peluang pekerjaan tertinggi pada tempoh yang sama ialah pegawai tadbir, pengurus insurans, jurutera awam, akauntan am, pembantu kejuruteraan mekanik dan juru ukur bahan.

Kekosongan jawatan profesional yang diiklankan melalui akhbar tempatan bagi tiga bulan iaitu Januari, Februari dan Mac 2000, masing-masing meningkat daripada 2,493 jawatan (Januari), 2,930 (Februari) dan 3,411 (Mac) iaitu melebihi 15 peratus sebulan.

Daripada iklan akhbar berkenaan, kekosongan jawatan di bidang kejuruteraan mendahului bidang pekerjaan yang lain (dengan jumlah 36.3 peratus), diikuti bidang pentadbiran dan pengurusan (14.5 peratus), pemasaran & jualan (12 peratus) dan bidang bangunan dan pembinaan (8 peratus), manakala bidang lain antara satu hingga tujuh peratus.

Walaupun persaingan antara pendaftar pencari kerja dan kekosongan jawatan yang ditawarkan masih wujud, namun kerajaan mempunyai keyakinan positif masalah itu tidak akan berlanjutan.

Pertumbuhan industri yang dijangka terus berkembang memerlukan tenaga kerja profesional, mahir dan separuh mahir yang berlipat kali ganda dan terpulang kepada graduan serta pelajar merebut setiap peluang yang terbuka.

(END)